e-Buletin Koperasi

SINOPSIS

Bil.3/2024 (HQ)

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Majlis Peluncuran

JOM JELAJAH KOPERASI

(JEJAK)

2024-2025

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengadakan Majlis Peluncuran Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) 2024-2025 bertempat di Homestay Banghuris Sepang, Selangor pada 16 Mei 2024 (Khamis).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan turut dihadiri Ketua Setiausaha KUSKOP Datuk Seri Suriani Ahmad, TKSU KUSKOP, Lembaga Pengarah SKM, Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP dan Pengarah-Pengarah Bahagian SKM. Majlis ini juga dihadiri oleh koperasi terpilih yang menjalankan aktiviti dalam industri pelancongan dan penjagaan diri di sekitar Negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan.

www.skm.gov.my

DITERBITKAN OLEH
BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Program JEJAK merupakan program rangsangan perniagaan koperasi dalam industri hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf melalui aktiviti promosi dan pemasaran produk/perkhidmatan bagi merancakkan semula perkembangan industri ini yang terkesan akibat daripada penularan Pandemik Covid-19. SKM telah mengambil inisiatif dengan pemberian insentif berjumlah RM2 juta kepada koperasi bagi membantu koperasi yang terlibat dalam industri ini beroperasi pada tahap optimum. Ianya dapat menyokong penglibatan koperasi dalam industri pelancongan domestik dan juga sebagai persediaan koperasi sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 yang telah diumumkan oleh Kerajaan di dalam Belanjawan 2024 dengan sasaran pelancong sebanyak 26.1 juta orang.

Turut diadakan Program Jualan Madani Koperasi dan Usahawan sempena Majlis Peluncuran JEJAK Tahun 2024 anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam menyelami beban masyarakat tempatan sekitar Sungai Pelek akibat tekanan kos sara hidup dan ekonomi semasa. Program jualan JMKU ini telah mencapai jualan sebanyak RM102,600.00. Jualan ini telah memberi manfaat kepada 600 orang terdiri dari anggota koperasi dan masyarakat setempat Sungai Pelek.

Pengunjung berpeluang menikmati diskaun sehingga 30% lebih murah bagi pembelian barang keperluan asas dan harian. Sebanyak 4 Koperasi yang dilantik sebagai pengurus jualan bagi menjayakan sepanjang program ini.